

01/04/2016 - Majlis Penyampaian Surat Penempatan PTD

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
dan Salam 1Malaysia.

YBhg Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Yang Berbahagia Dato' Jalil bin Marzuki,
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pengurusan)

Yang Berbahagia Dato' Raihan bin Sharif
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman
Pengarah Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam

Pegawai-pegawai kanan JPA dan SPA

Dan seterusnya Saudara dan Saudari Lantikan Baharu PTD Gred M41 Tahun 2016.

PENDAHULUAN

· Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada para kadet PTD yang telah selesai menjalani latihan di INTAN.

- Kita baru sahaja berjumpa pada 21 Mac yang lalu sewaktu Majlis Makan Malam bersama Kadet.

- Justeru itu, saya tidak bercadang untuk berucap panjang lebar sekadar untuk memberikan nasihat dan ingatan kepada saudara-saudari sekalian yang akan melangkah ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan selepas ini.

INTERNATIONAL CONFERENCE ON BLUE OCEAN STRATEGY, 16-18 OGOS 2016

- Saya yakin saudara-saudari sudah membaca dan memahami mengenai **National Blue Ocean Strategy (NBOS)** yang merupakan salah satu pendekatan Kerajaan dalam Agenda Transformasi Nasional.

- NBOS telah berjaya melahirkan pelbagai program dan inisiatif yang dapat dilaksanakan dengan pantas, berkos rendah dan memberikan impak tinggi kepada rakyat. Kejayaan inisiatif-inisiatif ini disebabkan kerjasama kukuh merentasi pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

- Sebagai contoh, UTC atau Urban Transformation Centre yang pertama telah dilancarkan di Melaka pada tahun 2012. UTC ini berjaya disiapkan dalam tempoh masa 8 minggu, dimana bangunan kerajaan sedia ada diubahsuai dan ditambahbaik. Ia menempatkan lebih daripada 30 jabatan dan agensi kerajaan dan swasta seperti bank, dibuka dari 8.00a.m hingga 10.00p.m.

- Sehingga kini, sudah wujud 12 UTCs and mini UTCs di seluruh negara dimana 8 lagi UTC akan diwujudkan pada tahun ini.

- Tujuan saya bercakap mengenai NBOS adalah menjelaskan mengenai pendekatan yang harus diambil oleh saudara-saudari sekalian dalam menjalankan tugas masing-masing nanti. Setiap daripada kita, walaupun bertugas di kementerian berlainan, **harus mengelakkan pemikiran secara silo dan bersifat territorial.**

· Untuk makluman saudara-saudari sekalian, Kerajaan telah bersetuju untuk menganjurkan **International Conference on Blue Ocean Strategy** dari 16 hingga 18 Ogos 2016. Negara-negara Komanwel khususnya akan dijemput bersama-sama dengan negara-negara lain untuk menghadiri persidangan yang julung kali diadakan ini. Persidangan ini bertujuan untuk mempamerkan kejayaan program-program NBOS serta berkongsi pengalaman kita dengan negara-negara luar.

PENGUBAHSUAIAN SEMULA BAJET 2016

· Sepertimana sedia maklum, pada 28 Januari 2016, YAB Perdana Menteri mengumumkan pengubahsuaian semula Bajet 2016 dengan 11 langkah-langkah utama bertujuan untuk mengoptimalkan perbelanjaan dan menangani kenaikan kos sara hidup.

· Ini untuk memastikan kesinambungan perancangan fiskal negara disebalik penurunan harga minyak yang memberikan impak kepada ekonomi negara.

· Sebagai penjawat awam, kita harus berupaya **memahami rasional dan kandungan dasar-dasar kerajaan yang diperkenalkan untuk memperjelaskan kepada rakyat.**

EKSPEKTASI

· Sebelum mengakhiri kata-kata saya, saya ingin memberikan sedikit nasihat yang boleh membantu saudara-saudari sekalian dalam menjalankan tugas nanti.

i) **Laksanakan tugas dengan penuh integriti.** Kita seharusnya ingat kepada amanah yang telah diberikan kepada kita sebagai penjawat awam.

ii) **Bersikap tegas dan professional dan setia kepada kerajaan yang memerintah.** Janganlah terpengaruh dengan media sosial dan kita perlu bijak menilai apa yang benar daripada fitnah dan berita palsu yang disebarkan pihak tidak bertanggungjawab. Saya yakin saudara-saudari

sekalian lebih arif dalam menggunakan media sosial. Maka **gunakanlah media sosial untuk mempertingkatkan imej perkhidmatan awam dan menangani persepsi negatif terhadap Kerajaan.**

iii) **Mempertingkatkan kompetensi** – Menambah ilmu pengetahuan kita dengan lebih membaca. Mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi terutamanya dalam Bahasa Inggeris.

iv) **Berinovatif dan berani menyuarakan pandangan**

Berusaha memikirkan pendekatan baru dalam pelaksanaan dasar dan penyelesaian isu. Disamping itu, berupaya menyampaikan pandangan secara konstruktif.

PENUTUP

· Sebelum mengakhiri kata-kata saya, saya ingin menyatakan bahawa sekiranya saudara-saudari menghadapi kesulitan semasa menjalankan tugas, maka berbincanglah dengan rakan-rakan dan dengan pegawai atasan. Sekiranya perlu, saya juga boleh dihubungi kerana saya sentiasa mengamalkan pintu terbuka.

Lampiran

Contents of "Surat Aku Janji"

Dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Perintah-Perintah Am, Pekeliling dan Surat Pekeliling serta peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari masa kesemasa sepanjang perkhidmatan saya dengan Kerajaan. Maka dengan itu saya berjanji sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bahawa saya :

- (i) akan **sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan;**
- (ii) akan **sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;**
- (iii) **tidak akan membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya;**
- (iv) tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin **menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam saya;**
- (v) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah **membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi** sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai Pegawai Awam;
- (vi) **tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai Pegawai Awam bagi faedah diri saya sendiri;**
- (vii) **tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan dan mencemarkan nama Perkhidmatan Awam;**
- (viii) **tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar** untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau pegawai lain berhubung dengan Perkhidmatan Awam; dan
- (ix) **tidak akan ingkar perintah** atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tattertib) 1993.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2051>